

**SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQ)  
PENAMBAHBAIKAN ELAUN CERMIN MATA (ECM) TAHUN 2023**

Soalan	Jawapan
1. Apakah syarat untuk menuntut ECM?	<p>a) Semua pegawai sama ada berstatus tetap, <i>Contract of Service</i> (COS), <i>Contract For Service</i> (COS) atau Pegawai Khidmat RAC (PKRAC) adalah layak menuntut ECM dengan syarat <b>telah berkhidmat untuk tempoh satu (1) tahun</b>.</p> <p>b) Kelayakan tuntutan adalah bagi <b>setiap 2 tahun</b> dari tarikh resit.</p> <p>c) Resit tuntutan hendaklah atas nama pegawai.</p>
2. Sekiranya tiada tuntutan dibuat sepanjang tempoh dua (2) tahun tersebut, bolehkah jumlah RM1,000.00 di bawah ke tahun berikutnya?	<b>Tidak boleh</b> dan kelayakan RM1,000.00 tersebut dikira lupus.
3. Saya tidak memakai cermin mata, bolehkah saya menukarnya dalam bentuk tunai?	<b>Tidak boleh.</b>
4. Saya tidak memakai cermin mata, adakah saya boleh menggunakan ECM ini untuk pembelian kepada ahli keluarga?	<b>Tidak boleh.</b> Kelulusan ECM adalah untuk pegawai RAC sahaja.
5. Sekiranya jumlah pembelian cermin mata bernilai RM700.00, bolehkah saya menuntut baki elaun yang tidak digunakan?	<b>Tiada tuntutan dibenarkan terhadap baki</b> yang tidak digunakan.
6. Adakah pembelian cermin mata hitam bagi tujuan perubatan (contoh: silau) dibenarkan?	<b>Dibenarkan.</b>
7. Adakah pembelian cermin mata hitam dibenarkan?	Pembelian cermin mata hitam <b>tidak dibenarkan.</b>
8. Adakah pembelian kanta lekap dibenarkan?	Pembelian kanta lekap <b>dibenarkan</b> , tetapi dengan 1 resit pembelian sahaja.
9. Bolehkah saya membeli 2 unit cermin mata?	<b>Boleh.</b> Tetapi resit pembelian mestilah atas nama pegawai. Pembelian bagi 2 resit yang berasingan adalah tidak dibenarkan.
10. Bolehkah saya membeli cermin mata dan kanta lekap?	<b>Boleh.</b> Tetapi resit pembelian mestilah atas nama pegawai. Pembelian bagi 2 resit yang berasingan adalah tidak dibenarkan.

Soalan	Jawapan
11. Saya telah menuntut ECM pada 1 November 2022 menggunakan kelulusan ECM lama iaitu RM450.00. Bilakah tarikh kelayakan bagi saya membuat tuntutan baharu?	Tarikh tuntutan baharu adalah <b>2 tahun daripada 1 November 2022</b> , iaitu 1 November 2024.
12. Tarikh akhir tuntutan ECM saya adalah pada Disember 2020 (kelulusan ECM lama RM450.00). Berdasarkan kelulusan ECM lama, tarikh tuntutan baharu adalah Disember 2023. Memandangkan ECM telah ditambah baik kepada setiap 2 tahun, bolehkah saya menuntut ECM sekarang (April 2023)?	<b>Boleh</b> , kerana telah melebihi 2 tahun daripada tuntutan terakhir.
13. Saya telah membeli cermin mata bernilai RM600.00 dan menuntut ECM pada Disember 2022 menggunakan kelulusan ECM lama iaitu RM450.00. Bolehkah saya menuntut baki RM150.00 tersebut sekarang?	<b>Tidak boleh.</b>
14. Saya adalah kakitangan berstatus PSH bermula Januari 2020 dan ditukar lantik kepada skim PKRAC bermula Disember 2022. Bilakah saya boleh menuntut ECM?	Kakitangan PKRAC boleh menuntut ECM <b>selepas genap 1 tahun berkhidmat di bawah skim PKRAC</b> , iaitu bermula Disember 2023.
15. Saya telah menuntut ECM semasa lantikan skim PKRAC pada Disember 2023, dan telah dilantik sebagai pegawai COS bermula Mac 2024. Adakah kelayakan ECM saya yang berikutnya dikira 2 tahun daripada Mac 2024?	Pelantikan ke skim lantikan yang baharu adalah tidak berkaitan. Pegawai <b>layak menuntut ECM selepas 2 tahun tuntutan terakhir.</b>
16. Adakah pembelian cermin mata secara atas talian dibenarkan?	<b>Tidak dibenarkan.</b>
17. Bolehkah saya membuat tuntutan ECM jika resit pembelian cermin mata telah hilang?	Tuntutan tanpa resit asal <b>tidak dibenarkan.</b>
18. Bagaimanakah saya boleh menyemak tarikh kelayakan ECM yang selanjutnya?	Semakan boleh dibuat dengan Unit Sumber Manusia